

B672

MAHATHIR - KESELAMATAN 1982

KOTA BAHARU, 22 FEB. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENDEDAHKAN ADANYA CUBAAN DARI PARTI LAWAN UNTUK MENGHASUT ANGGOTA TENTERA DAN POLIS MEMBENCI KERAJAAN AGAR KETENTERAMAN NEGARA TERGUGAT DAN MEMUDAHKAN MEREKA MENCAPAI MATLAMAT PERJUANGAN YANG JAHAT.

TANPA MENAMAKAN PARTI LAWAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, ANGGOTA TENTERA DAN POLIS TELAH DIBERI HUJAH-HUJAH YANG MENGELIRUKAN TERMASUK KONONNYA MEREKA YANG DIBEBANKAN DENGAN TUGAS MENJAGA KESELAMATAN NEGARA TIDAK SEPATUTNYA DIBAYAR GAJI YANG MURAH SERTA LAYANAN YANG BURUK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBUAT PENDEDAHAN ITU SEMASA BERUCAP DI SATU MAJLIS JAMUAN TEH DI PERKARANGAN KEDIAMAN MENTERI KEWANGAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH DI SINI. KIRA-KIRA 5,000 ORANG PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MENGHADIRI MAJLIS TERSEBUT.

TURUT HADIR IALAH TENGKU RAZALEIGH, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD YAKUB DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEGIATAN SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN DIBIARKAN BERTERUSAN KERANA IA BOLEH MELETAKKAN NEGARA INI DALAM SATU KEADAAN YANG SANGAT MERBAHAYA. -- BERSAMBUNG 2107/MK

B673

MAHATHIR - KESELAMATAN 2 KOTA BAHARU

+JIKA ANGGOTA TENTERA ATAU POLIS DAPAT DIPENGARUHI DAN MERASA SAKIT HATI TERHADAP KERAJAAN, INI AKAN MENYEBABKAN MEREKA MENGABAIKI TANGGUNGJAWAB MENJAGA KESELAMATAN SEHINGGA MEMBUKA JALAN KEPADA MUSUH MENIMBULKAN KEKACAUAN,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN SEKIRANYA HURU-HARA BERLAKU SEKALI

LAGI DI NEGARA INI IA TIDAK MUNGKIN DAPAT DITAMATKAN KERANA PENGALAMI DI LUAR NEGERI MENUNJUKKAN USAHA UNTUK MENUMBANGKAN SESUATU KERAJAAN SECARA KEKERASAN AKAN MENIMBULKAN HURU-HARA YANG BERLARUTAN.

SAMBIL MENSIFATKAN GOLONGAN TERSEBUT SEBAGAI ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, PERDANA MENTERI BRKATA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI, ADALAH MENJADI HAK SESIAPAPUN UNTUK MENUMBANGKAN KERAJAAN ASALKAN DENGAN JALAN YANG HALAL DAN TIDAK DENGAN TIPU HELAH SERTA SENTIMEN-SENTIMEN YANG BOLEH MENIMBULKAN PERMUSUHAN.

+SEBAGAI PARTI YANG MEMERINTAH, BARISAN NASIONAL TIDAK AKAN MENGGUNAKAN CARA-CARA YANG HARAM BAGI MENCAPAI KEMENANGAN ATAU MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MINGGATKAN AHLI-AHLI POLITIK YANG TIDAK MENGHORMATI AGAMA SENDIRI DENGAN MEMBUAT TAFSIRAN-TAFSIRAN QURAN DAN HADIS SECARA MENGELIRUKAN TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN. -- BERSAMBUNG 12113/MK

B674

MAHATHIR - KESELAMATAN 3 KOTA BAHARU

+MEREKA YANG TIDAK BERPEGANG KUAT KEPAMA DAN MENGGUNAKAN AGAMA SESUKA HATI DENGAN TUJUAN UNTUK MENGELIRUKAN RAKYAT PASTI TEWAS DAN AKAN TERUS TEWAS,+ UJAR BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA JANGAN SEKALI-KALI MENGANGGAP RAKYAT YANG TELAH TERPENGARUH DENGAN HASUTAN DARI PARTI LAWAN SEBAGAI MUSUH.

+RAKYAT TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN KERANA MEREKA TERPEDAYA TETAPI MUSUH SEBENAR KITA IALAH ORANG-ORANG YANG MENYEBABKAN MEREKA TERPEDAYA,+ KATANYA.

SEBALIKNYA, BELIAU MENGGESA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMBERI PENERANGAN SERTA PENJELASAN YANG SEBENAR KEPADA RAKYAT AGAR ORANG YANG TELAH TERKELIRU TADI AKAN BERPALING TADAH TERHADAP GOLONGAN PENGHASUT TERSEBUT. -- BERNAMA 2116/MK